



IDRIS JUSOH bergambar bersama pelajar politeknik selepas menyempurnakan majlis Dialog Senario Industri Masa Depan Malaysia Aspirasi Siswa Politeknik Malaysia di Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, semalam.

UTUSAN MALAYSIA 21/7/2017 p. 8

Kejayaan universiti bermanfaat kepada rakyat

HULU SELANGOR 20 Julai - Kejayaan universiti tempatan digolongkan dalam kelompok terbaik dunia bukan hanya memberi kebaikan kepada sektor pendidikan negara tetapi turut membawa manfaat kepada rakyat khususnya masyarakat di kampung.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, semakin baik kedudukan universiti tempatan dalam kelompok dunia, semakin berkualiti inovasi yang berjaya dihasilkan sekali gus membantu rakyat.

Dalam hal ini, Idris berkata, penduduk kampung, termasuklah peneroka Felda mendapat manfaat daripada pelbagai ino-

vasi canggih universiti yang bukan sahaja membantu meringankan rutin harian tetapi pada masa sama meningkatkan pendapatan.

Untuk minggu ini sahaja, beliau berkata, tiga inovasi universiti tempatan telah dan akan dilancarkan yang memberi kebaikan kepada rakyat.

“Dua hari lepas saya lancar aplikasi Smart Mamak hasil inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), hari ini pula E-Cutter ciptaan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Sabtu ini saya lancar produk daripada belangkas serta kuda laut inovasi Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

“Inovasi ini bukan hanya memudahkan rakyat tetapi memban-

tu meningkatkan pendapatan.

Malah, turut membantu mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing,” katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Program Penyelidikan Translational (E-Cutter) UPM Bersama Felda Zon Hulu Selangor di Felda Sungai Tengi Selatan dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan; Naib Canselor UPM, Profesor Datin Dr. Aini Ideris dan Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti) Felda, Anuar Malek.